



LAPORAN TAHUNANA 2000



Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

Kandungan

KANDUNGAN

| | |
|--|----|
| Pengenalan | 2 |
| Visi dan Misi | 2 |
| Objektif | 2 |
| Strategi | 3 |
| Lembaga Pengarah FAMA 2002 | 6 |
| Pengurusan Kanan FAMA | 8 |
| Carta Organisasi FAMA 2002 | 10 |
| Pejabat-pejabat FAMA | 11 |
| Takwim Peristiwa Tahun 2002 | 12 |
| Kata-kata Aluan Pengerusi | 18 |
| Latar Belakang | 20 |
| Senario Pemasaran Tahun 2002 | 20 |
| Aktiviti Utama | 21 |
| Pemasaran Buah-buahan | 21 |
| Pemasaran Sayur-sayuran | 21 |
| Kawalan Pasaran | 22 |
| Pasaran Eksport | 23 |
| Teranakan, Akuakultur dan Pelbagai | 24 |
| Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat | 24 |
| Perisik Pasaran | 25 |
| Teknologi Maklumat | 26 |
| Pengembangan Pasaran | 26 |
| Terminal Makanan Negara | 27 |
| Pasar Tani | 27 |
| Pengilangan dan Pengedaran Produk IKS | 27 |
| Perluasan Pasaran - MAHA 2002 | 28 |
| FAMACO | 30 |
| Khidmat Sokongan | 30 |
| Kejuruteraan | 30 |
| Hal Ehwal Korporat | 31 |
| Perjawatan | 31 |
| Pembangunan Sumber Manusia | 32 |
| Kewangan | 32 |
| Sijil Ketua Audit Negara | 34 |
| Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002 | 37 |



PENGENALAN, VISI, MISI & OBJEKTIF

PENGENALAN

Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan ini disediakan dengan tujuan untuk memberi gambaran tentang peranan yang dilaksanakan dan pencapaian yang telah diperolehi oleh FAMA sepanjang tahun 2002. Ia menjelaskan struktur organisasi, pengurusan, takwim peristiwa, projek-projek pembangunan dan khidmat sokongan pemasaran bagi tempoh tersebut. Kedudukan kewangan dipaparkan dengan penyata-penyata dan petunjuk-petunjuk kewangan yang lazim. Laporan Tahunan 2002 ini diharap dapat memberi gambaran menyeluruh mengenai FAMA dalam tempoh berkenaan.

VISI

Transformasi pertanian ke sektor moden dinamik dan berdaya saing melalui pemasaran yang cekap dan berkesan.

MISI

Menjadi sebuah agensi pemasaran pertanian bertaraf dunia dengan menyediakan perkhidmatan maklumat pasaran, infrastruktur pemasaran, pengiklanan dan promosi, pengedaran hasil pertanian dan makanan di pasaran dalam dan luar negara.

OBJEKTIF

- i. Untuk merealisasikan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3) di mana Malaysia akan menjadi salah sebuah negara pengeluar utama makanan dunia melalui kecekapan dan keberkesanan pemasaran hasil pertanian dan makanan.
- ii. Untuk menyediakan perkhidmatan sokongan dan infrastruktur pemasaran bagi membangunkan saluran pemasaran hasil pertanian dan makanan negara.
- iii. Untuk meningkatkan kualiti dan keselamatan makanan negara melalui penggredan, pembungkusan, pelabelan dan pengawalan pemasaran.
- iv. Untuk meluaskan pasaran melalui promosi hasil pertanian dan makanan Malaysia di pasaran dalam dan luar negara.
- v. Untuk membina keupayaan sumber manusia dalam pemasaran berasaskan pengetahuan dan teknologi terkini.
- vi. Untuk menjadi agensi utama dalam pembangunan pemasaran dan pertanian negara.



STRATEGI

Strategi FAMA digubal selaras dengan DPN3 seperti berikut:-

- a. Meningkatkan keselamatan makanan dan mengawal inflasi
 - Pengukuhan sistem pemborongan yang telus, adil dan saksama melalui penubuhan **Terminal Makanan Negara (TEMAN)** yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan pengedaran makanan utama.
 - Pengukuhan bekalan hasil tani melalui **pemasaran kontrak** dan **peningkatan kemudahan pemasaran**.
 - **Menjamin luang pasaran dan pengedaran makanan** secara langsung melalui khidmat sokongan pemasaran.
 - Pengukuhan perkhidmatan import dan eksport hasil pertanian melalui kawalan di pintu keluar-masuk meliputi pemeriksaan kualiti, kuantiti, pembungkusan, pelabelan dan keselamatan.
 - Peningkatan penglibatan pengeluar dalam pemasaran melalui **jualan terus** di Pasar Tani, Gerai Runcit dan Pusat Jualan Borong
 - Pengukuhan **sistem perisikan pasaran** dalam dan luar negeri melalui pengumpulan, penganalisan dan penyebaran maklumat bekalan, permintaan, import dan eksport potensi dan analisis situasi pasaran
 - Pengukuhan program **promosi dalam negeri** bagi menggalakkan penggunaan lebih bahan makanan tempatan.
- b. Meningkatkan produktiviti:
 - **Pembangunan produk** melalui peningkatan kualiti, penggredan, penjenamaan, persembahan produk, penyelidikan dan pembangunan
 - **Pembangunan industri kecil dan sederhana makanan** melalui bimbingan dan penambahan luang pasaran kepada pengeluar dan pengilang
 - **Pengembangan pasaran** melalui bimbingan dan latihan kepada petani dan perantara pasaran
- c. Meningkatkan pelaburan sektor swasta:
 - Peningkatan penglibatan pihak swasta dalam industri makanan melalui pemusatan kegiatan pemprosesan berskala ekonomi melalui **Taman Kekal Pengeluaran Makanan** dan kegiatan pengedaran melalui **Terminal Makanan Negara**

d. Meningkatkan eksport pertanian:

- Peningkatan saiz pasaran melalui **promosi pasaran luar negara, pengukuhan maklumat pasaran, pembangunan produk** dan **perkongsian strategik** dengan pengimport-pengimport
- Pengukuhan pasaran eksport melalui bimbingan kepada pengeksport-pengeksport

e. Pembangunan Sumber Manusia

- Peningkatan **kemahiran** melalui latihan dan kemajuan kerjaya
- Pengukuhan modul dan program latihan melalui **Institut Latihan FAMA**

f. Rasionalisasi institusi kerajaan

- Perkongsian pintar dengan sektor swasta
- Memperkukuhkan perkhidmatan pasaran untuk sektor awam dan swasta
- Menggalakkan pelaburan swasta dalam industri asas tani

Pemasaran Pertanian Persahabatan

**Lembaga Pengarah
& Pengurusan Kanan FAMA**



Lembaga Pengarah FAMA 2002



Y.Bhg. Encik Azizi Meor Ngah
Pengerusi FAMA

Y.Bhg. Dato' Wan Ibrahim Wan Daud
Ketua Pengarah



Y.Bhg. Tuan Haji Abdul Hamid Abd Rahman
Ahli Lembaga

Y.Bhg. Dato' Shazalli Ramly
Ahli Lembaga





Y.B. Abdul Wahab Aziz
Ahli Lembaga



Tuan Haji Ismail bin Hasbollah
Ahli Lembaga



Y.Bhg. Encik Nozir Ahmad Hussain
Wakil Lembaga Pertubuhan Peladang



Y.Bhg. Datuk Abd. Kadir Abd. Hadi
Wakil Jabatan Pertanian



Puan Patricia Chia Yoon Moi
**Wakil Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri**



Puan Yeoh Gim Bee
Wakil Kementerian Pertanian



Y.Bhg. Dato' Suboh Mohd. Yassin
Wakil Kementerian Perusahaan Utama



Encik Ismail Saleh
**Wakil Kementerian Perdagangan
Antarabangsa dan Industri Malaysia
(MITI)**



Wakil Kementerian Kewangan
(kosong)

Pengurusan Kanan FAMA 2002



Y. Bhg. Dato' Wan Ibrahim bin Wan Daud
Ketua Pengarah



Tuan Haji Haron bin A. Rahim
Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan
Pemasaran Barangan Segar



Tuan Haji Mohamed Shariff bin Abd. Aziz
Pengarah Kanan
Projek Khas dan Pemasaran
Barangan Proses



Tuan Haji Samah bin Hasan
Pengarah Kanan
Bahagian Perancang, Penilaian,
Perisik Pasaran dan IT



Tuan Haji Sahbani bin Saimin
Pengarah Kanan
Bahagian Galakan dan Sokongan Pemasaran



Puan Hajah Khafiah binti Rose
Pengarah Kanan
Bahagian Pengurusan dan Kewangan

Pemasaran Pertanian Persatuan

**Carta Organisasi,
Alamat Pejabat-Pejabat FAMA
& Kalendar Peristiwa Sepanjang 2002**



CARTA ORGANISASI FAMA TAHUN 2002





ALAMAT PEJABAT-PEJABAT FAMA

Ibu Pejabat FAMA

Bangunan FAMA Point, Lot 17304, Jalan Persiaran Satu, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03 – 6138 9622

Fax: 03 – 6138 3650/ 6138 5200

Pejabat FAMA Negeri Perlis

No. 22, 24 & 26, Tingkat Atas, Jalan Simpang Tiga, Taman Sena Indah, Persiaran Jubli Emas, 01000 Kangar, Perlis.

Tel: 04 – 976 5615

Fax: 04 – 976 0564

Pejabat FAMA Negeri Kedah

Lot 1276, Kawasan Perusahaan Mergong, Jalan Perak, 05150 Alor Setar, Kedah Darul Aman.

Tel: 04 – 731 9344/ 731 9103/
731 9190

Fax: 04 – 733 5154/ 730 6601

Pejabat FAMA Negeri Pulau Pinang

No. 2442, Tingkat Perusahaan 1, Kawasan Perusahaan Perai, 13600 Perai, Pulau Pinang.

Tel: 04 – 390 7886/ 390 7222/
390 7970

Fax: 04 – 390 8107

Pejabat FAMA Negeri Perak

Tingkat 9, Bangunan KWSP, Jalan Hospital, 30450 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05 – 254 6322/ 254 6684

Fax: 05 – 241 6545

Pejabat FAMA Negeri Selangor

No. 12-01, Tingkat 12, Plaza Masalam, Jalan Tengku Ampuan Zabedah, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03 – 5511 8114/ 5511 8115/
5511 8116/ 5511 8117

Fax: 03 – 5511 8124

Pejabat FAMA Negeri Sembilan

Tingkat 5, Bangunan Yayasan Negeri, Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban, Negeri Sembilan.

Tel: 06 – 763 5797/ 763 8959/
762 1452

Fax: 06 – 763 7466/ 763 6454

Pejabat FAMA Negeri Melaka

Lot 73, Jalan Usaha 12, Kawasan Perindustrian Air Keroh, Peti Surat 362, Pejabat Pos Besar Melaka, 75760 Melaka.

Tel: 06 – 231 2760/ 231 9650

Fax: 06 – 231 7172

Pejabat FAMA Negeri Johor

Km 8, Jalan Tun Abdul Razak, Susur 6, Peti Surat 25, 80700 Johor Bahru, Johor Darul Takzim.

Tel: 07 – 234 1185/ 234 1186/
234 1187

Fax: 07 – 234 1182

Pejabat FAMA Negeri Pahang

Kilometer 9, Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Tel: 09 – 536 6110/ 536 6113/
536 6114/ 536 6115

Fax: 09 – 536 6109

Pejabat FAMA Negeri Terengganu

Tingkat U3, Menara Permint, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.

Tel: 09 – 622 4144/ 622 4191

Fax: 09 – 622 1606

Pejabat FAMA Negeri Kelantan

Kompleks Bilik Sejuk FAMA, Jalan Dato' Lundang, 15200 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.

Tel: 09 – 748 2431/ 748 2557/
748 6548

Fax: 09 – 744 3030

Pejabat FAMA Negeri Sabah

Tingkat 12, Wisma Bandaraya, Jalan Padang, 88000 Kota Kinabalu, Sabah

Tel: 088 – 225 741/ 225 742

Fax: 088 – 223 526

Pejabat FAMA Wilayah Persekutuan Labuan

No. 28, Tingkat 1, Fasa Dua, Lagenda Commercial Center, Jalan Tun Mustapha, P.O. Box 81781, 87008 Wilayah Persekutuan Labuan

Tel: 087 – 413 544

Fax: 087 – 423 100

Pejabat FAMA Negeri Sarawak

Lot 1003 – 1005, Seksyen 65, KTLD Jalan Jawa, Kampung Pinang Jawa Matang, P.O. Box 1929, 93738 Kuching, Sarawak.

Tel: 082 – 422 578/ 414 744

Fax: 082 – 244 551

Institut Latihan FAMA Port Dickson

Lot 1655, Batu 12, Kg. Teluk Pelandok, Jalan Pantai, Mukim Pasir Panjang, 71050 Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel: 06 – 662 6212

Fax: 06 – 662 5608

FAMA Corporation Sdn Bhd

No. 3 & 5, Jalan 2/8, Dataran Templer, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03 – 6135 1301

Fax: 03 – 6135 1310

TAQWIM PERISTIWA TAHUN 2002

1. **10 Jan 2002**
Majlis sambutan Hari Raya 2002
2. **24 - 27 Jan 2002**
Hari Terbuka FAMA 2002
3. **19 Februari 2002**
Seminar Pelaburan Sektor Pertanian Zon Timur di MS Garden Hotel, Kuantan yang dirasmikan oleh Menteri Besar Pahang
4. **28 Februari 2002**
Marketing of Chilled & Frozen Food Report Hand Over By JICA to Government of Malaysia
5. **9 Mac 2002**
Majlis Ikrar Akujanji
6. **14 Mac 2002**
Majlis Perasmian Kompleks Pengumpulan Ladang FAMA, Kampung Gong Kulim, Pasir Putih, Kelantan



PERISTIWA TAHUN 2002



7. 15 Mac 2002

Majlis Perjumpaan Dan Dialog dengan Petani-Petani Lembah Kg. Sireh, Kota Bharu, Kelantan



8. 24 April 2002

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman FAMA & Dairy Farm Giant Retail Sdn. Bhd.

9. 30 April 2002

Pesta Produk Keluaran Bumiputera di Pasaraya Giant Shah Alam

10. April 2002

Seminar Peluang-Peluang Pelaburan Dalam Sektor Pertanian dan Industri Berasaskan Pertanian Zon Selatan



11. Jun 2002

Pameran K3P Peringkat Negeri Terengganu

12. 22 Julai 2002

Regional Seminar FAO / AFMA / FAMA / BERNAS 2002 di Concorde Hotel Kuala Lumpur



TAQWIM PERISTIWA TAHUN 2002

13. 8 Ogos 2002

Mesyuarat Pengarah-Pengarah FAMA Negeri di Kuching, Sarawak.



13



13b

14. 20 Ogos 2002

Lawatan Kerja Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong XII ke Ibu Pejabat FAMA



14



14b

15. 23 September 2002

Perjanjian Persefahaman Latihan (MoU) di antara FAMA dan Glant



15



16a

16. 30 September 2002

Dutch Buying Mission To Malaysia



16b

PERISTIWA TAHUN 2002



17. 1 - 6 Oktober 2002
MAHA 2002



TAQWIM PERISTIWA TAHUN 2002

18. 20 Oktober 2002
FLORIADE 2002 di
Amsterdam, The
Netherlands
(FAMA - KPM)



PERISTIWA TAHUN 2002



19a



19b

19. 27 Oktober 2002
Karnival Jualan IKS
menjelang Ramadhan



20a



20b

20. November 2002
Lawatan Menteri
Pertanian ke Giant
Supermarket, Shah
Alam



21a



21b

21. 9 November 2002
Majlis Penutup
Penyampaian Sijil
Program Latihan
Kemahiran SPKR 2002



PERUTUSAN Pengerusi


Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Tirai tahun 2002 dimulakan dengan Hari Terbuka FAMA pada 24-27 Januari. Tema sambutan ialah 'menangani cabaran pasaran global'. iaitu bertepatan dengan peranan baru dan kewajaran 'raison d'etre' FAMA. *Alhamdulillah*, sambutan daripada kumpulan sasaran, persatuan peniaga, dan orang ramai sangat memberangsangkan.

Seminar Persijilan dan Penjenamaan ke arah pelaksanaan MALAYSIA'S BEST telah mula dipergiatkan. Ini adalah langkah pertama untuk memperkenalkan jenama Malaysia ke persada dunia.

Sempena dengan musim buah-buahan, pesta jualan buah-buahan bermusim diadakan di semua negeri. Pesta makanan juga diadakan untuk menggalakkan orang ramai makan lebih hasil pertanian tempatan. FAMA telah menyertai Floriade 2002 di Amsterdam dari bulan April hingga Oktober bertujuan untuk membuka ruang pasaran ke Eropah. Pada 20 Ogos 2002 Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah berkenan mencemar Duli dengan mengadakan lawatan kerja ke ibu pejabat FAMA. FAMA juga telah berjaya menganjurkan ekspo pertanian antara bangsa iaitu Malaysia Agriculture, Horticulture and Agro-tourism (MAHA) 2002 di The Mines, Seri Kembangan Selangor serentak dengan AgriTech Malaysia 2002 dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2002. Karnival Makanan Malaysia juga telah diadakan dengan kerjasama Kementerian Kesenian dan Pelancongan.

FAMA terus bergerak selaras dengan arus perdana. Haluan semula FAMA telah diperhalusi melalui percambahan fikiran dan konsenses warga kerja. FAMA tidak perlu lagi menoleh kebelakang menjustifikasi kewajaran kewujudannya.



Dari segi pengluasan pasaran, FAMA telah mengadakan perkongsian strategik dengan rangkaian pasaraya dan hypermarket seperti Giant, Tops, Jusco, Lifestyle, Carrefour dan Tesco. FAMA juga telah meneroka pasaran baru. Barangan keluaran pengusaha bumiputera telah dapat dibariskan seiring dengan produk-produk berjenama multi-nasional. Jalan telah dibuka - terpulanglah kepada pengusaha-pengusaha kita untuk mengekalkan dan memanfaatkan ruang pasaran yang telah dirintis ini dengan sebaik-baiknya.

Dalam bidang perkhidmatan maklumat pasaran, FAMA telah memperkemas fungsi pengumpulan maklumat, perisikan pasaran, analisis pasaran dan penyebaran maklumat pasaran. Program pepadanan bekalan dengan permintaan sedang diusahakan untuk mengurangkan lambakan. Khidmat lepas tuai, penyisihan, pembungkusan, pelabelan dan pengurusan logistik pemasaran akan dirangkum dalam Pengurusan Rantai Bekalan



(Supply Chain Management). Kesemua projek-projek utama FAMA telah mengambil-kira dan memperhalusi secara menyeluruh keperluan-keperluan amalan baik pertanian, amalan baik pengendalian, keselamatan makanan, 'traceability' dan halal bagi menghadapi cabaran liberalisasi dan globalisasi.

Pada tahun ini, Kementerian Pertanian telah menyarankan supaya FAMA menerajui pembangunan komoditi utama yang mempunyai potensi pasaran. Sebanyak 33 Pasukan Dedikasi yang diketuai oleh FAMA dan dianggotai oleh gabungan agensi dan jabatan di bawah Kementerian seperti Jabatan Pertanian, MARDI, Jabatan Perikanan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah diwujudkan. Pasukan Dedikasi Pembangunan Komoditi ini telah membuat kajian dan menyiapkan pelan tindakan pemasarannya.

Aktiviti penjenamaan, pengiklanan dan promosi telah dirancang secara berterusan untuk menarik lebih ramai pengguna dan pelanggan meminati barangan



tempatan. FAMA telah menekankan perlunya diwujudkan perkhidmatan pengurusan mesra pelanggan supaya sistem penyampaian dapat dipertingkatkan.



Selain itu, usaha menggalakkan pihak swasta untuk melabur dalam sektor pertanian dan asas tani telah dipergiatkan. Bagi mencapai matlamat ini, FAMA telah mewujudkan 'pengurusan kandungan' mesra pelanggan untuk Pusat Pembangunan Perniagaan (BDC) di Kementerian Pertanian.

FAMA terus bergerak selaras dengan arus perdana. Haluan semula FAMA telah diperhalusi melalui percambahan fikiran dan konsenses warga kerja. FAMA tidak perlu lagi menoleh kebelakang menjustifikasi kewajaran kewujudannya. Persaingan sengit dan cabaran yang mendatang perlu ditangani secara strategik. Perancangan strategik telah dilaksanakan supaya FAMA hanya menumpukan kepada beberapa projek utama yang mampu memberi kesan menyeluruh.

Sehubungan dengan itu, penilaian semula telah dilakukan terhadap keseluruhan struktur organisasi sesuai dengan tanggungjawab dan keperluan semasa.

Saya yakin sokongan padu akan terus diberikan oleh Y.B Menteri Pertanian serta semua jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian, sesuai dengan semangat MoA Inc. Dengan adanya komitmen yang berterusan dari setiap lapisan warga kerja FAMA, Insyaallah FAMA akan menjadi agensi yang lebih cemerlang di masa depan. Rakyat terutama kaum petani sudah pasti akan tersenyum lebar – hasil titik peluh mereka dihargai bak mutiara bergemerlapan.

Sekian, salam hormat.


(AZIZI MEOR NISAH)

LATAR BELAKANG

LATAR BELAKANG

Malaysia bertekad menjadi pengeluar makanan utama dunia. Matlamat ini terkandung dalam Dasar Pertanian Negara ke 3 (DPN3). Pendekatan baru telah digubal iaitu berteraskan teknologi terkini dan berorientasikan pasaran. Sektor pertanian dipacu menjadi sektor komersil berskala besar dan berdaya saing bagi menggantikan pertanian tradisional. Jika DPN3 dapat dilaksanakan dengan sempurna, pergantungan kepada import dapat dikurangkan dan negara akan menjadi pengeksport bersih. Syarikat swasta digalakkan merebut peluang dalam pelaburan industri pertanian seperti perladangan, pembekalan input, pengeluaran, pemasaran, kegiatan hiliran dan nilai ditambah. Melalui pengelusan ruang pasaran, sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dapat dipertingkatkan.

SENARIO PEMASARAN TAHUN 2002

Pada tempoh 2000 - 2005 pertumbuhan yang tinggi untuk sektor pertanian ditetapkan untuk menjana sasaran nilai jualan sebanyak RM81.4 billion. Usaha perlu dipertingkatkan untuk membangunkan sektor pertanian yang berdaya saing dan moden. Pertanian adalah tanggung kepada pembekalan makanan dan bahan mentah dan salah satu teras pembangunan negara.

Saiz pasaran makanan Malaysia pada tahun 2002 bernilai RM43.1 billion. Makanan segar bernilai RM17.3 billion (40%), proses RM13.8 billion (32%) dan perkhidmatan RM12.0 billion (28%). Bagi makanan segar sahaja hasil ternakan bernilai RM7.1 billion (41%), perikanan RM6.23 billion (36%) dan tanaman RM3.98 billion (23%).

seperti kemunculan AFTA, WTO, liberalisasi serta globalisasi menghendaki FAMA berperanan dalam persekitaran dan cabaran baru. Dengan semangat MoA Inc., peranan FAMA dalam menentukan piawaian mutu dan penggredan adalah penting. Semua ini perlu digarap agar ia membolehkan FAMA menjadi agensi pemasaran bertaraf dunia. Program dan kegiatan yang dijalankan oleh FAMA adalah selaras dengan strategi Dasar Pertanian Negara iaitu transformasi pertanian dari sektor tradisi kepada moden, pemindahan teknologi dan penyertaan sektor swasta.

Sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk memperbaiki sistem pemasaran hasil pertanian, FAMA telah memberikan fokus untuk menyediakan infrastruktur pemasaran yang sesuai seperti pembinaan TEMAN, maklumat pasaran, FAMA Xchange, pengiklanan dan promosi, penjenamaan Malaysia's Best, kontrak pemasaran, pembangunan dan pengedaran produk proses serta keperluan kepakaran dalam melaksanakannya.

Perisikan pasaran masih merupakan fungsi utama kepada keberkesanan pemasaran. Pengumpulan, analisis, dan penyebaran maklumat pasaran dilaksanakan dengan lebih meluas skop dan liputannya. Khidmat perisikan pasaran meliputi maklumat bekalan, maklumat permintaan, kajian dan potensi pasaran, kos dan margin pasaran. Keutamaan diberikan kepada peningkatan daya-saing perniagaan tani. FAMA telah mewujudkan sistem GEOMIS iaitu sistem aplikasi GIS yang mengandungi integrasi data pelbagai format elemen pasaran bagi membantu membuat keputusan yang tepat dalam pemasaran.

Bagi menjamin pasaran petani dan mendapatkan ruang pasaran yang berterusan FAMA telah terlibat secara aktif dengan kontrak pemasaran. Aktiviti peningkatan kualiti dilaksanakan di peringkat ladang terutama di Pusat Pengumpulan sebelum dipasarkan.

FAMA adalah salah satu agensi pemasaran yang penting bagi menyiapkan diri ke arah peranan baru dalam transformasi pertanian. Perubahan dan keperluan semasa





AKTIVITI UTAMA

PEMASARAN BUAH-BUAHAN

Pemasaran buah-buahan adalah salah satu daripada kegiatan utama FAMA bagi menambah ruang pasaran kepada petani. Program kontrak pemasaran dilaksanakan bagi memastikan FAMA memperoleh bekalan yang terjamin bagi buah-buahan segar yang berkualiti. Saluran ruang pasaran institusi adalah terdiri dari pasaraya dan pasar besar yang telah menambahkan ruang pasaran selain dari kegiatan pemborongan dan peruncitan.

Pesta-pesta jualan buah-buahan juga telah diadakan, terutama bagi mengatasi masalah lambakan buah-buahan bermusim. Sebagai contoh, bagi tempoh musim buah-buahan Januari hingga Ogos 2002 sahaja, sebanyak RM881,794.67 telah diperolehi hasil dari jualan secara terus oleh FAMA melalui pesta. Secara keseluruhan, nilai jualan mencapai RM7 juta, menepati sasaran untuk tahun 2002. Nilai ini telah meningkat 55% daripada jualan tahun 2001 iaitu RM4.5 juta.



Peningkatan nilai jualan domestik dalam tahun 2002 berbanding dengan 2001 adalah disebabkan oleh penerokaan saluran pasaran baru. Ia tertumpu kepada peluasan ruang pasaran ke dalam pasaraya atau *hypermarket* yang mula diceburi dalam tahun 2001 dan diperkukuhkan dalam tahun 2002. Sebanyak empat buah pasaraya besar yang membuka ruang pasarnya bagi kemasukan bekalan buah daripada FAMA iaitu TOPS, Lifestyle, Jaya Jusco dan Giant yang mempunyai beberapa cawangan, kebanyakan di sekitar Lembah Kelang.



Sebahagian besar daripada bekalan adalah diperolehi daripada kontrak pemasaran antara FAMA dengan pengeluar di seluruh negara. Seramai 267 orang perseorangan dan petani berkelompok telah terlibat dalam kontrak pemasaran yang melibatkan keluasan tanaman pelbagai buah-buahan seluas 436 hektar dengan anggaran hasil pengeluaran sebanyak 8,000 tan metrik bernilai RM6.7 juta.



Aktiviti pemborongan adalah merupakan nadi kepada khidmat pemasaran FAMA. Sumber bekalan berpunca daripada ladang kontrak disalurkan ke Pasar Borong Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru dan Alor Setar.

Ruang pasaran baru ke institusi seperti hotel dan kilang juga diterokai bagi memperluaskan pasaran. Jualan runcit ditumpukan kepada jualan di pasar tani, ekspo dan pesta jualan yang dianjurkan oleh FAMA dan Jabatan/Agensi lain.

PEMASARAN SAYUR-SAYURAN

Sejumlah 577 petani dengan keluasan 555.8 hektar telah terlibat dengan program pemasaran sayuran FAMA. Sasaran jualan ialah RM6 juta berbanding nilai jualan sebenar ialah RM7 juta dengan kuantiti sebanyak 6,360 MT. Sebanyak 20 jenis sayur telah diberi keutamaan termasuk memperbaiki persembahan melalui pembungkusan, pelabelan dan penggredan. Kadar kerosakan dapat dikurangkan di peringkat borong, runcit dan eksport. Pembungkusan menggunakan jaring untuk berat 20 kg. bagi labu manis, keledak, limau nipis dan serai. Pembungkusan kotak plastik dengan berat 10 kg. ialah untuk cili merah, tomato, salad dan terung bulat. Perkara ini berjaya dilaksanakan dan diterima oleh pemborong di Pasar Borong Kuala Lumpur.

Di bawah kegiatan meningkatkan kualiti, kaedah pembungkusan yang sesuai telah diperkenalkan - di peringkat jualan borong (bakul 30 kg.), runcit (*tray* 300 dan 400 gm.) dan institusi (kotak *corrugated* 5 kg. dan 10 kg.) Tujuannya ialah untuk mengurangkan kadar kerosakan, mudah dikendalikan dan menarik perhatian pengguna.



ialah 125 orang dengan kuantiti diluluskan sebanyak 33,569 tan metrik. Sebanyak 6,399 permit import telah diluluskan meliputi kobis bulat, kopi, bawang merah, bawang putih dan sayur-sayuran. Kegiatan penguatkuasaan telah dijalankan bertujuan untuk melaksanakan peraturan atau rancangan kawalan FAMA. Antaranya ialah

KAWALAN PASARAN

Program kawalan pasaran telah memperolehi RM1.103 juta, kebanyakan dari jualan label, bayaran perkhidmatan, proses permit dan dokumen. Bilangan pelesen di seluruh negara ialah 302 orang pemegang



dengan mengadakan sekatan jalanraya, pemantauan kobis bulat di pintu keluar-masuk dan pasar, lawatan dan pemeriksaan di premis, siasatan label serta penahanan AP kerana barangan melebihi syarat 'maximum residual level' (MRL) terutama bagi produk pertanian untuk pengeksporan ke Singapura.

Program peningkatan kualiti pengeluaran hortikultur diteruskan dengan pelaksanaan skim menggred untuk pasaran eksport. Sebanyak 4,730 tan metrik betik 'ekstotika' dan 2,062 tan metrik belimbing telah di gred melalui Pusat Pemeriksaan Hasil Pertanian di KLIA. Bagi memperluaskan pasaran, promosi perdagangan telah diadakan sebanyak 10 kali di luar negara yang melibatkan buah-buahan, bunga-bunga dan barangan proses. Promosi bagi meningkatkan penggunaan sayur dalam negeri telah diadakan sebanyak 15 kali.

lesen buah, 1,647 pemegang lesen kelapa dan 206 pemegang lesen sayur (pelesenan sayur berkuatkuasa di Johor sahaja). Pecahan pemegang lesen ini dari segi bangsa ialah 808 Bumiputra, 1,112 Cina dan 30 India. Perantara pasaran yang diberi perkhidmatan terdiri daripada pemborong 141 orang, pengilang kopi 125 orang, konsortium kopi 1 orang, konsortium kobis 244 orang, pengeksporn hasil tani 107 orang dan pengimport hasil tani 6 orang.

Sebanyak 18 konsortium kobis bulat dan 26 pemegang AP individu kobis bulat dengan kuantiti yang telah diluluskan adalah sebanyak 28,580 tan metrik. Manakala bilangan pemegang AP kopi biji



PASARAN EKSPORT

Objektif utama ialah untuk meluaskan luang pasaran sedia ada, menerokai pasaran baru dan kegiatan pembangunan untuk meningkatkan kualiti dan daya saing serta pasaran bagi komoditi yang diekspor. Nilai jualan dari eksport buah-buahan ialah RM2.58 juta berbanding RM1.29 juta dalam tahun 2001. Peningkatan ini adalah 45% dari sasaran jualan 2002 sebanyak RM5.675 juta.

Komoditi diekspor terdiri dari belimbing (87%), manggis (2.7%), rambutan (3.7%), pomelo (1%) dan lain-lain terdiri daripada cempedak, betik eksotika, jambu batu, pulasan dan nangka (5.6%). Langkah yang drastik untuk mempelbagaikan jenis komoditi eksport telah diambil. Pomelo, nangka, mangga 'Cokanan', pisang Cavendish dan cempedak mula diekspor. Netherlands adalah pusat hantaran eksport di Eropah sebelum dihantar ke beberapa negara lain seperti United Kingdom, Switzerland, Sweden, Sepanyol, Denmark dan Jerman. Dari segi eksport mengikut negara, 43% adalah ke Denmark, 19% ke United Kingdom, 19% ke Jerman, 12% ke Sweden, 3% ke Switzerland, 2% ke Netherlands dan baki 2% lagi ke negara-negara kecil yang lain. Seramai 13 pengimport berdagang dengan FAMA iaitu Ema's, MHS, Everfresh, Loius Konyn, Helmut, Supermaz, Sai Traders, Satori Holland, Redbridge dan Amtek.

Penghantaran melalui udara masih menjadi cara utama bagi nangka, rambutan, manggis dan mangga 'Cokanan' kerana tempoh masa yang diambil adalah singkat. Namun ia melibatkan kos yang tinggi. Penghantaran laut dilakukan untuk mengurangkan kos dan seterusnya meningkatkan margin keuntungan dan daya saing. Belimbing amat sesuai dihantar melalui laut kerana mampu bertahan hampir 4 minggu. Nilai jualannya meningkat sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya.

Kegiatan pembangunan ditumpukan kepada peningkatan kualiti, pengurangan kos operasi, peningkatan keupayaan penghantaran dan pengendalian lepas tuai. Ujian-ujian simulasi juga dijalankan terhadap pisang mas, betik, mangga 'Cokanan' dan tembikai *black beauty*. Tujuan ujian ini adalah untuk membolehkan pengeksportan buah

melalui laut dengan memberi penekanan kepada teknologi lepas tuai yang berkesan, teknik pembungkusan dan penyimpanan yang sesuai mengikut jenis buah berkenaan. Pusat-pusat operasi eksport yang berdekatan dengan kawasan bekalan telah diwujudkan yang khusus mengendalikan buah-buahan tertentu. Kompleks bilik sejuk (KBS) Selayang untuk semua jenis buahan, KBS Chui Chak mengendalikan betik dan mempelam. KBS Tangkak untuk betik, rambutan, pulasan dan manggis. KBS Simpang Renggam bagi nanas, AMC (pusat pemasaran tani) Jerantut untuk rambutan dan manggis, KBS Seremban untuk rambutan dan nangka, KBS Kota Bahru dan AMC Baling untuk rambutan.

Pada keseluruhannya urusniaga tahun 2002 masih tertumpu kepada komoditi tertentu. Beberapa isu mengenai pengeksportan seperti EUREPGAP, bekalan buah dari pusat operasi FAMA yang tidak menepati spesifikasi, luang pasaran import yang terhad dan pengawalan kualiti serta piawai yang diperlukan dalam penerokaan pasaran baru. Prestasi jualan tahun 2002 mencatatkan peningkatan sebanyak 45% daripada sasaran tahunan. Ini disebabkan senario pasaran dunia yang tidak menentu rentetan peristiwa 11 September. Ia mendorong kenaikan beberapa kos seperti kadar pengangkutan udara, insuran dan caj insidental peperangan.



TERNAKAN, AKUAKULTUR DAN PELBAGAI

Nilai jualan barangan segar secara keseluruhannya adalah sebanyak RM21.34 juta (termasuk buah, sayur dan pelbagai barangan mentah). Daripada nilai tersebut, RM5.62 juta adalah dari urusniaga ternakan, akuakultur dan pelbagai tanaman.

| Komoditi | Nilai jualan (RM) | Peratus |
|----------|-------------------|---------|
| Kopi | 161,247.65 | 2.9 |
| Koko | 105,809.07 | 1.9 |
| Kelapa | 926,759.57 | 16.5 |
| Ternakan | 3,970,092.19 | 70.6 |
| Pelbagai | 455,322.80 | 8.1 |

Keuntungan kasar ialah RM599,902.67, 10.68% dari jumlah nilai jualan. Urusniaga tertinggi ialah bagi komoditi ternakan (ayam, lembu, puyuh, telur, ikan air tawar). Jualan lembu hidup adalah paling tinggi iaitu RM558,209 terutama antara bulan Oktober hingga Disember. Ini disebabkan meningkatnya permintaan di musim perayaan. Manakala menurunnya nilai jualan ayam adalah disebabkan turunnya harga purata runcit ayam di pasaran sebanyak 23% berbanding tahun sebelumnya. Purata harga ayam dalam tahun 2001 ialah RM3.20/kg. berbanding RM2.60/kg. dalam tahun 2002. Perbezaan ini menyebabkan kemerosotan jualan sebanyak RM220,000.

Komoditi kedua terpenting ialah kelapa. Jualan telah meningkat 1.09 kali ganda berbanding sasaran RM850,000 untuk tahun 2002. Namun nilai ini adalah rendah berbanding tempoh yang sama dalam



tahun 2001 kerana kurangnya operasi menyelamat di peringkat negeri.

FAMA Pahang telah mencatatkan jualan paling tinggi iaitu RM1,688,342.98 (30%) diikuti oleh Ibupejabat sebanyak RM997,832.02 (18%) dan seterusnya FAMA Perak sebanyak RM617,697.38 (11%). Komoditi utama ketiga-tiga pusat urusniaga ini ialah lembu, ayam pedaging dan puyuh.

Bekalan telah diperolehi dari ladang kontrak, petani individu atau kelompok dan juga pengeluar swasta yang mampu membekalkan pada kualiti yang berterusan. Bekalan dari import juga diperolehi dalam keadaan di mana sumber tempatan tidak mencukupi.

Keutamaan adalah dari pengeksport yang mampu membekalkan pada harga yang bersaing, konsisten dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.



SKIM PEMBANGUNAN KESEJAHTERAAN RAKYAT (SPKR)

Matlamat SPKR ialah untuk mengurangkan kadar kemiskinan kepada 0.5% menjelang tahun 2005. FAMA telah terlibat dalam projek pertanian, ternakan, pemprosesan, pembangunan usahawan dan latihan kemahiran bagi kumpulan sasaran. Di bawah program menjamin pasaran, baki 2001 yang dibawa ke tahun 2002 berjumlah RM386,630 manakala kumpulan wang PPRT berjumlah RM237,762. Peruntukan baru bagi tahun 2002 adalah sebanyak RM464,600. Oleh itu jumlah peruntukan ialah RM1,088,992. Perbelanjaan tahun 2002 adalah RM564,344 (51%) daripada peruntukan. Oleh itu baki dibawa ke tahun 2003 ialah RM524,648.

Projek Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) telah dijalankan di 9 buah negeri yang mana adalah projek lanjutan dari tahun 2001. Terdapat 57 projek peningkatan pendapatan yang mana hanya 23 daripadanya aktif dan mempunyai potensi untuk berjaya seperti berikut:

| Negeri | Bilangan Projek | Projek yang Aktif | Bilangan Peserta | Bilangan Peserta yang Berjaya |
|------------|-----------------|-------------------|------------------|-------------------------------|
| Sabah | 11 | 7 | 193 | 70 |
| Sarawak | 19 | 3 | 165 | 23 |
| Kedah | 11 | 3 | 126 | 22 |
| Perak | 7 | 2 | 56 | 23 |
| Kelantan | 5 | 4 | 14 | 13 |
| Terengganu | 1 | 1 | 4 | 2 |
| N.Sembilan | 1 | 1 | 1 | 1 |
| Selangor | 1 | 1 | 2 | 1 |
| Johor | 1 | 1 | 5 | 2 |
| | 57 | 23 | 566 | 156 |

Program Latihan Kemahiran bertujuan untuk meningkatkan kemahiran peserta dalam bidang-bidang yang dipilih supaya mereka melengkapkan diri mereka untuk membuka perusahaan sendiri atau berupaya menjalankan kegiatan ekonomi yang sesuai dan berisiko rendah. Di bawah program ini, tiga bidang latihan yang dijalankan ialah memproses makanan, pengendalian gerai, restoran dan catering, jahitan pakaian wanita dan hiasan dalaman serta keusahawanan tani. Sebanyak RM382,270 telah dibelanjakan untuk meningkatkan keusahawanan 77 orang peserta.

Selain itu, terdapat 7 orang peserta SPKR yang melaksanakan projek tanaman labu manis di Kg. Telela, Perlis dan 5 orang memproses dadih di Puchong, Selangor.

Di bawah strategi pemindahan teknologi, tumpuan adalah bagi program Perisik Pasaran, Teknologi Maklumat, Pengembangan dan Kualiti Pasaran.

PERISIK PASARAN

Maklumat yang cepat, tepat dan diyakini itu adalah asas kepada pembuatan keputusan yang berkesan. Dalam usaha menyediakan khidmat maklumat pasaran kepada pengguna, kajian-kajian pasaran telah dijalankan. Ini meliputi kajian potensi pasaran, pengesanan bekalan, pengesanan permintaan serta pengesanan harga barangan. Pengesanan bekalan sayur-sayuran dan tanaman kontan telah dilaksanakan di 72 daerah yang meliputi keluasan

kawasan penanaman dengan anggaran hasil 2 bulan ke hadapan. Senarai perantara dan pembeli di peringkat ladang telah dibukukan. Sistem GEOMIS telah menghasilkan pemetaan bagi kebun melebihi 10 ekar di daerah-daerah di Johor, Selangor, Pahang, Terengganu, Perak, Sarawak dan Sabah. Kajian di 27 pintu masuk utama yang mempunyai kemudahan kuarantin Jabatan Pertanian telah dilaksanakan bagi komoditi sayuran dan buahan dari Thailand dan Indonesia. Kajian permintaan dan pengeluaran produk berasaskan herba (mengkudu), kajian buah bermusim bagi maklumat sistem amaran awal serta pengumpulan harga komoditi termasuk ternakan, bunga dan ikan air tawar di peringkat ladang, borong dan runcit dilaksanakan di pasar-pasar utama seluruh negara. Maklumat mengenai pemborong, pengimport dan pengeksport sentiasa dikemas kini. Kajian Profil Negara bertujuan untuk memantau arah-aliran permintaan dan penawaran hasil tani serta hubungan perdagangan dengan negara lain. Data sekunder di perolehi dari MATRADE dan Jabatan Perangkaan secara *on-line*. Kegiatan memantau pasar borong dijalankan di Kuala Lumpur, Pandan (Johor Bahru) dan Kamunting (Pahang). Buku Data Siri Masa Buah-buahan 1993 – 2002 dan Data Siri Masa Sayur-sayuran 1993 – 2002 telah diterbitkan.

Di bawah Pengesanan Maklumat Bekalan, pemetaan dan penyenaian infrastruktur oleh Unit GIS telah dilakukan yang meliputi jalinan perhubungan darat, kompleks bilik sejuk, kilang memproses, pusat pengumpulan ladang serta *outlet* runcit yang utama. Pemetaan pusat-pusat pemasaran seperti pasar borong, pasar tani borong, pasar malam, pasar pagi dan pasar awam juga dilakukan secara menyeluruh.



GEOMIS amat berfaedah kepada FAMA untuk memantau pengeluaran, pemasaran dan penggunaan hasil tani. Semua maklumat ini mengandungi integrasi data pelbagai format elemen pasaran dalam aplikasi sistem maklumat geografi bagi menyahut keperluan MoA Inc. Kajian kelapa meliputi Sabak Bernam, Hilir Perak, Batu Pahat, Kudat dan Kota Samarahan yang mewakili 45% daripada keseluruhan kawasan pengeluaran negara.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Program ini bertujuan untuk menyediakan peralatan dan perkakasan bagi menyokong keperluan FAMA dalam melaksanakan kegiatannya. Keperluan ini sewajarnya berlandaskan teknologi terkini dengan kos yang paling efisien. Semua video FAMA telah ditukar ke bentuk digital dan dimuatkan dalam sistem *video streaming* agar boleh dimanfaatkan oleh semua warga FAMA tanpa dibatasi oleh bilangan. Perisian 'Trend Antivirus' untuk versi server dan komputer peribadi telah diadakan. Pembelian komputer, pencetak dan LCD telah dilakukan bagi daerah-daerah atau pusat operasi yang aktif. Tender pembelian IBM eServer P630 untuk menggantikan RISC 6000 model 570 telah disempurnakan. VSAT untuk sistem rangkaian setempat (IntraNet FAMA) telah juga dipasang bagi negeri Johor, Kelantan, Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Selangor. Perisian perpustakaan iaitu ILMU (*Integrated Library Management Utility*) telah diperolehi bagi menggantikan sistem



perpustakaan SISPUKOM yang lama. Sistem cuti SISPEN telah digunakan dan diperluaskan ke semua cawangan. Lakaran minda untuk projek AgricX dan BDC telah dimulakan agar semua ahli jawatankuasa mengetahui keseluruhan projek yang perlu dibina. Sistem gaji telah dinaik-taraf bagi membolehkan maklumat mengenai pegawai kontrak dijana. Cawangan Teknologi Maklumat juga telah mewujudkan sistem bagi memantau projek TKPM (Taman Kekal Pertanian Negara) untuk memudahkan kemasukan data baru dan membuat analisis.

PENGEMBANGAN PASARAN

Program ini bertujuan untuk membentuk satu kefahaman di kalangan golongan sasaran mengenai teknik yang paling diterima-pakai ke arah pembangunan kerjaya di kalangan mereka, khususnya mengenai hal ehwal pemasaran. Ini dilakukan dengan memindahkan teknologi melalui peningkatan pengetahuan dan teknik dalam pemasaran pertanian. Terdapat 4 skop kursus yang dijalankan iaitu bidang buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan serta motivasi dan kejurujualan. Dialog dengan golongan sasaran, lawatan ke ladang dan seminar juga diadakan. Golongan sasaran meliputi petani yang terlibat dalam projek MoA Inc., seperti peserta kontrak ladang, projek perdana, TKPM dan pengusaha IKS. Motif kursus ialah pengeluaran berkualiti, pengeluaran memenuhi kehendak pasaran, berterusan dan sebagai pembekal tetap pasaran. Sebanyak 80 kursus telah dijalankan yang mana masing-masing 14 (17%) daripadanya telah diadakan di Johor dan Pahang, 10 (13%) di Kedah, 7 (9%) di Sabah, 5 kursus (6%) masing-masing di Perak dan Perlis. Empat kursus (5%) adalah dijalankan masing-masing di Pulau Pinang, Terengganu, Sarawak, Selangor dan Negeri Sembilan. Sejumlah 3173 peserta telah mengikuti kursus-kursus-kursus ini, terdiri dari 808 orang (Pahang), 460 orang (Johor), 377 orang (Sarawak), 317 orang (Kedah), 200 (Sabah) dan 178 orang (Perak). Pengurangan peruntukan tahun 2002 sebanyak 56% telah banyak mengurangkan bilangan kursus yang dapat dijalankan.

Bilangan kursus yang telah dijalankan mengenai ehwal pemasaran sayur-sayuran sepanjang tahun

2002 ialah 31 dengan bilangan peserta seramai 1016 orang, kursus bercorak motivasi pemasaran dan keusahawanan berjumlah 21 dengan peserta seramai 859, kursus pemasaran buah-buahan berjumlah 20 dengan 906 orang peserta, dan kursus mengenai pemasaran ternakan sebanyak 8 dengan 392 orang peserta.

TERMINAL MAKANAN NEGARA

Sepanjang tahun 2002, projek Terminal Makanan Negara (TEMAN) masih pada peringkat penyediaan tapak bagi TEMAN di Ipoh. Manakala bagi TEMAN Kota Bharu, masih dalam urusan pengambilan balik tanah.

PASAR TANI

Program Pasar Tani adalah bertujuan untuk menggalakkan penglibatan secara terus petani dalam pemasaran. Melalui program ini, pengeluar mendapat faedah secara langsung seperti memahami kehendak pasaran serta pengguna memperoleh barangan segar dan kepelbagaian barangan pada harga yang munasabah. Penglibatan petani bumiputera ini juga selaras dengan objektif melahirkan Masyarakat Perniagaan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB).



Sebanyak 19 buah pasar tani baru telah ditubuhkan pada tahun ini, menjadikan 220 buah pasar tani beroperasi berbanding 191 dalam tahun sebelumnya.

Di antara pasar tani baru itu ialah di Paya Mat Insun dan Tongkang Yard (Kedah), Bandar Tasik Puteri, Kota Kemuning dan Bukit Dukong (Selangor), Batu Kikir dan Taman Tuanku Jaafar (Negeri Sembilan), Sg. Abong dan UTM Skudai (Johor), Telipok dan Menumbok (Sabah) dan Matu (Sarawak). Seramai 8000 peserta serta pembantu telah memperolehi jualan RM190 juta dalam tahun 2002 berbanding 7200 peserta dengan nilai jualan RM129.7 juta dalam tahun 2001. Di bawah program pasar tani pelbagai kursus kemahiran kejurujualan, motivasi keusahawanan dan lawatan untuk belajar juga dilaksanakan untuk meningkatkan tahap keusahawanan mereka.

PENGILANGAN DAN PENGEDARAN PRODUK IKS

Nilai jualan bagi produk IKS ialah RM9.08 juta. Pecahan RM3.41 juta (Agromas FAMA), RM2.67 juta (Agromas IKS), produk IKS RM1.25 juta, RM0.57 juta barangan kawalan dan RM1.18 juta input IKS. Sejumlah 174 outlet hypermarket dan supermarket, 2,934 mini market dan kedai runcit serta 28 pemborong atau agen telah dapat dijalinan. Penyenaian-masuk produk Agromas dan IKS terpilih ke 72 rangkaian kedai Mesra Petronas di Lembah Kelang telah dilaksanakan. Perbincangan dengan 23 orang pemborong dan pengedar telah diadakan meliputi Sarawak, Kelantan, Terengganu, Perak, Pahang dan Selangor. Sebanyak 81 ekspo dan karnival jualan IKS telah diadakan dengan penyertaan 1025 usahawan IKS dengan jualan RM1.02 juta. Seramai 22 orang usahawan telah dibangunkan dan latihan semula kepada 50 orang usahawan telah dijalinan.



PERLUASAN PASARAN

Melalui program pengedaran, petani dan pemproses telah mendapat ruang pasaran tambahan kepada keluaran mereka melalui kegiatan urusniaga.



Penglibatan FAMA juga mewujudkan persaingan yang sihat kepada perantara pasaran, menguntungkan pengeluar dan seterusnya pengguna telah mendapat harga yang berpatutan. Bagaimanapun, meningkatkan keberkesanan khidmat pengedaran, latihan semula kepada 100 orang tenaga kerja, 31 orang eksekutif, 20 orang Penolong

Akauntan dan 20 orang Penyelia telah dilaksanakan.

Bagi meningkatkan daya saing sektor perdagangan pengedaran dan memastikan pertumbuhan mampan, FAMA telah melantik agen pemasar di Holland, England, Jerman, Denmark, Switzerland, Sepanyol, China, Hongkong, Asia Barat dan Timur Tengah sebagai rakan strategik untuk mempromosikan dan meluaskan pasaran.

MAHA 2002

MAHA 2002 telah diadakan pada 1 hingga 6 Oktober 2002 di The Mines. Seri Kembangan Selangor Darul Ehsan dengan bertemakan *Transforming Agriculture Through Technology*. Secara keseluruhannya MAHA 2002 telah dilaksanakan dengan jayanya dengan jumlah pengunjung yang mencapai sasaran. Bilangan pengunjung MAHA 2002 dianggarkan seramai 1 juta orang. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan 200,000 adalah *trade visitors*, 100,000 para petani, peladang dan penternak dan selebihnya para pelajar dan orang awam.



MAHA 2002 telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 3 Oktober 2002, jam 3.00 petang di pentas yang disediakan di ruang legar The MINES. Antara hadirin adalah terdiri daripada exco-exco pertanian kerajaan negeri, ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan, 500 orang petani, rombongan daripada The Netherlands dan kedutaan-kedutaan asing. Siaran langsung majlis perasmian juga telah disiarkan menerusi saluran TV1 untuk tontonan para penonton di seluruh negara.

Sepanjang berlangsungnya MAHA 2002, beberapa orang kenamaan telah meluangkan masa untuk melawat pameran MAHA 2002 termasuk Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Menteri Kabinet.



Kesemua 13 kerajaan negeri telah mengambil bahagian di dalam MAHA 2002. Jumlah penyertaan negeri-negeri adalah 90 buah booth. Sebanyak 31 buah agensi dan jabatan telah menyertai MAHA 2002 iaitu sebanyak 150 buah booth.

Sebanyak 44 buah booth telah dipenuhi oleh peserta-peserta dari 25 buah syarikat swasta. Lima buah syarikat tempatan telah mempamerkan hasil hortikultur yang menarik seperti kekwa, orkid, bunga periok kera dan lain-lain yang menarik perhatian pengunjung di MAHA Green House iaitu:



- a. Cameron Highlands Flower Grower's Association
- b. Hourai Orchids Sdn. Bhd.
- c. Tommy Sng Orchids
- d. Malesiana Tropicals
- e. TF Net

Empat syarikat yang telah mempamerkan mesin-mesin untuk digunakan dalam sektor pertanian dan konsep taman adalah:

- a. Possim Industrial
- b. TMV Sdn. Bhd.
- c. MPOB
- d. Garden Concepts Sdn. Bhd.

MAHA Farm & Garden, satu usahasama *event manager* dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan, telah mempertunjukkan pameran ternakan-ternakan hidup seperti kambing bebiri, lembu, rusa, kuda, itik, arnab, puyuh, ayam dan unta. Aktiviti-aktiviti menunggang kuda, memerah susu dan mencukur bulu kambing bebiri juga ditunjukkan kepada pengunjung. Syarikat Ayammas pula telah mempamerkan teknologi baru dalam pemeliharaan ayam daging yang moden dan bersih. Sebanyak 16 buah syarikat telah mengambil bahagian di MAHA Farm & Garden.


Medan makanan antarabangsa yang berhawa dingin dan seluas 40m x 15m yang telah beroperasi sepanjang MAHA 2002 adalah ditempah khas daripada Celdeman of Belgium. Pelbagai masakan antarabangsa disediakan seperti kebab, nasi beriyani



dan lain-lain untuk para pengunjung. Ia dioperasikan oleh Tai Thong Restaurant Sdn. Bhd., Gloria Jeans Coffee yang menyediakan beraneka jenis kopi citarasa terkini dan Passage Thru India yang menyediakan masakan India.

Khemah atau *tentage* yang berukuran 5 meter x 10 meter juga ditempah daripada Veldeman of Belgium yang digunakan sebagai tempat jualan HPPNK (Hari Peladang dan Penternak Kebangsaan). Sebanyak 18 buah gerai yang juga dilengkapi dengan *mist blowers* telah dipenuhi oleh semua kerajaan negeri, FAMA, Kementerian Belia dan Sukan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan untuk aktiviti-aktiviti jualan. Gerai-gerai jualan yang ditempatkan di sepanjang Jalan Dulang penuh sesak dengan orang awam yang mengunjungi MAHA 2002. Para pengunjung juga berpeluang untuk mendapatkan buah-buahan dan produk jualan Industri Kecil dan Sederhana dengan harga istimewa. Aktiviti jualan tersebut telah dapat memberikan peluang kepada peserta mempromosikan produk-produk mereka.

Pertandingan 'booth' terbaik juga telah diadakan sempena MAHA 2002. Para hakim yang membuat penilaian berdasarkan kepada kriteria-kriteria tertentu adalah terdiri daripada Arkitek Putrajaya Holding, Panel Pengadil Anugerah Kualiti Perdana Menteri dan wakil daripada Kementerian Pertanian. Hadiah berupa tropi kristal dan sijil penyertaan yang diberikan kepada para pemenang adalah sumbangan dari Kementerian Pertanian. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Y.H. Dato' KSU Kementerian Pertanian semasa Majlis Penutup.



Pemenang bagi kategori kerajaan negeri adalah:
 Tempat Pertama Kerajaan Negeri Terengganu
 Tempat Kedua Kerajaan Negeri Pahang
 Tempat Ketiga Kerajaan Negeri Kelantan

Pemenang bagi kategori Jabatan/Agensi Kerajaan adalah :

Tempat Pertama Jabatan Perikanan
 Tempat Kedua MARDI
 Tempat Ketiga FAMA

Pemenang bagi kategori syarikat swasta adalah:

Tempat Pertama FELDA Improser Biopalm
 Feeds Sdn. Bhd
 Tempat Kedua Nestle (M) Sdn. Bhd.
 Tempat Ketiga Golden Hope Plantation Bhd.

Dato' Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian telah menyempurnakan Majlis Penutup MAHA 2002 pada 6 Oktober 2002 di International Food Court jam 10.30 pagi.



FAMACO

Anak syarikat kumpulan FAMACO telah melaksanakan kegiatan urusan edaran barangan segar dan proses serta pengilangan. Keseluruhan kegiatan urusan ini menghasilkan perolehan berjumlah RM7.652 juta. Prestasi cemerlang tahun 2001 tidak dapat dikekalkan dalam tahun 2002. Kerugian bersih keseluruhan tahun 2002 berjumlah

RM46,000 setelah mengambilkira semua kos terlibat. Dari keseluruhan jualan FAMACO, 45.3% adalah dicatatkan oleh Unit Edaran. Manakala margin untung kasar ialah 18.2% dan margin kerugian bersih ialah 0.6%.

Jualan tahun 2002 telah merosot sebanyak RM876,000 atau 10.3% berbanding tahun 2001. Kerosotan dicatatkan oleh semua unit pengedaran (Selayang, Alor Setar, Langkawi, Pulau Pinang, Pasar Borong Selayang, Unit Kopi dan Konsortium FAMA) melainkan Unit Pelabuhan Kelang. Purata margin keuntungan kasar keseluruhan susut dari 23.3% ke 18.2%. Ini adalah disebabkan oleh kejatuhan margin kasar tender dengan KFC dan Unit Pasar Borong yang meleset dan kenaikan kos biji kopi. Pada tarikh yang sama, syarikat mempunyai tanggungan bersih bernilai RM2.838 juta dengan defisit dana pemegang saham sebanyak RM -3.056 juta.

KHIDMAT SOKONGAN

Semua kegiatan di bawah program khidmat sokongan adalah bertujuan untuk membolehkan strategi organisasi dilaksanakan. Antaranya ialah kejuruteraan, hal ehwal korporat, perjawatan dan pembangunan sumber manusia.

KEJURUTERAAN

Peruntukan sebanyak RM2.48 juta telah disediakan bagi melaksanakan projek dan kegiatan pembaikan, penyelenggaraan dan pembelian untuk kemudahan prasarana FAMA di seluruh negara. Ia merangkumi kerja-kerja kejuruteraan awam, elektrik, penyejukan, jentera dan pengangkutan.

Dari jumlah tersebut RM1.48 juta adalah untuk melaksanakan kegiatan pembaikan dan penyelenggaraan dengan kerjasama Unit Penyelenggaraan Bangunan (UPB). Bakinya telah digunakan bagi menyediakan keperluan pengangkutan. Perkhidmatan khidmat nasihat dari aspek teknikal juga diberikan di samping menyelaras kegiatan pembaikan atau projek baru yang dicadangkan oleh cawangan pengguna.

HAL EHWAL KORPORAT

Program Korporat bertujuan bagi menjalinkan perhubungan yang berkesan antara organisasi dengan kumpulan sasar dan orang ramai amnya. Kumpulan sasar meliputi dari pelbagai golongan seperti petani, penternak dan usahawan (terutama IKS), perantara pasaran, pengguna, jabatan atau agensi kerajaan, media massa, institusi swasta dan orang ramai. Sebagai sebuah agensi pemasaran, kegiatan FAMA diadakan bukan sahaja di dalam negara malah melalui kegiatan kemajuan pasaran luar negara dan perhubungan bilateral dan multi-lateral.

Objektif utama program Hal Ehwat Korporat ialah berkhidmat untuk memperkasakan korporat FAMA dari aspek perhubungan seranta dan awam. Ia meliputi kumpulan sasar dalam dan luar FAMA bagi menjadikan FAMA sebagai badan korporat utama pemasaran pertanian dan makanan yang menyumbang kepada kestabilan dan keselamatan makanan negara. Objektif lain termasuk membangun dan memperkukuhkan imej korporat FAMA,



menyalurkan maklumat dua hala kepada kumpulan sasar bagi manfaat bersama dan menyediakan luang bagi rujukan atau penyelidikan mengenai organisasi FAMA.

PERJAWATAN

Jumlah kakitangan tetap FAMA sehingga 31 Disember 2002 adalah seramai 1500 orang. Pecahan mengikut kategori adalah:

| Kategori | Bilangan Jawatan(sedia ada) | BilanganDiisi | Bilangan Kekosongan |
|-------------------------------------|-----------------------------|---------------|---------------------|
| Kumpulan Pengurusan Tertinggi | | | |
| (Gred utama B) | 1 | 1 | - |
| (Gred utama C) | 2 | - | 2 |
| Kumpulan Pengurusan Dan Profesional | 136 | 94 | 42 |
| Kumpulan Sokongan B | 252 | 210 | 42 |
| C | 861 | 796 | 65 |
| D | 490 | 399 | 91 |
| Jumlah | 1742 | 1500 | 242 |



Manakala kakitangan sementara berjumlah 33 orang, kakitangan sambilan 88 orang, kakitangan kontrak 81 orang yang dibiayai masing-masing dari sumber Wang Mengurus, Wang Pembangunan dan Wang Unit Pengurusan Bangunan. Terdapat juga kakitangan yang dibiayai dari Wang Urusniaga iaitu yang bergaji bulan seramai 189 orang dan bergaji hari seramai 6 orang.

PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

Program ini bertujuan untuk menyediakan tenaga kerja yang mahir dan berkebolehan bagi melaksanakan strategi dan program-program FAMA yang telah ditetapkan. Seramai 1,088 warga kerja FAMA telah menjalani latihan tersebut. Sebanyak RM1.05 juta telah dibelanjakan bagi tujuan meningkatkan kemahiran dan kepakaran yang sesuai dengan keperluan organisasi dan kehendak semasa. Dua bentuk program utama yang ditumpukan ialah peningkatan kemajuan kerjaya dan pembangunan sumber peringkat negeri.

menjalankan kursus berkaitan budaya kerja cemerlang, semangat sepasukan dan kecergasan. Dengan pendedahan yang terkini tentang pengetahuan dan hal-ehwal ekonomi yang berkaitan dengan bidang tugas, program pembinaan keupayaan telah dapat membantu kearah menjadikan FAMA sebuah badan yang unggul dalam bidang pemasaran.


KEWANGAN

Pemberian Kerajaan tahun 2002 bagi akaun pembangunan FAMA adalah sebanyak RM 42,471,000 di mana peruntukan pembangunan yang diterima dari Kementerian Pertanian adalah sebanyak RM 42,006,400 dan Wang SPKR RM 464,600 yang diterima daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Perbelanjaan Pembangunan FAMA adalah sebanyak RM 44,810,949 (tidak mengambil kira perbelanjaan SPKR sebanyak RM 535,081). Lebihan perbelanjaan sebanyak RM 2,804,549 telah dibiayai menerusi sumber dalaman.



Perbelanjaan wang mengurus pula sehingga 31 Disember 2002 ialah RM 47,330,377 (tidak termasuk susutnilai sebanyak RM 3,834,797) daripada peruntukan geran sebanyak RM 42,746,100. Lebihan perbelanjaan RM 4,584,277 telah dibiayai dari sumber dalaman FAMA.

Di bawah peningkatan kemajuan kerjaya, sebanyak RM0.8 juta (76%) telah dibelanjakan bagi mengendalikan kursus-kursus pemasaran, pengurusan am, kewangan, pengurusan kualiti, seni taman, IT dan maklumat pasaran. Manakala bagi pembangunan sumber peringkat negeri pula, sejumlah RM0.25 juta (24%) dibelanjakan bagi



Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan

**Penyata Kewangan
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002**



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN



**Sijil Ketua Audit Negara
Mengenai Penyata Kewangan
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2002**

Penyata kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2002, hasil operasi serta aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

4. Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota kepada Penyata Kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

5. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan disatukan.


(FATIMAH BT HJ. MAMAT)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
30 OKTOBER 2003

**PENYATA OLEH PENGARAH-PENGARAH
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN PERTANIAN MALAYSIA**

Kami **Azizi Meor Ngah** dan **Dato' Ibrahim bin Wan Daud** yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (F.A.M.A) dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, akaun-akaun yang disertakan adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (F.A.M.A) dan Kumpulan pada 31 Disember 2002 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.


Bagi pihak Lembaga



NAMA: Azizi Meor Ngah

GELARAN: Pengerusi

TARIKH: 4 Jul 2003



NAMA: Dato' Wan Ibrahim bin Wan Daud

GELARAN: Ketua Pengarah

TARIKH: - 4 JUL 2003

TEMPAT: Ibu Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)



**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN PERTANIAN MALAYSIA**

Saya **Haron Bin A. Rahim**, No. Kad Pengenalan: **501227-01-5449** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan** dengan ikhlasnya mengakui bahawa kunci kira-kira, akaun untung dan rugi dan penyata aliran wang tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.



Haron Bin A. Rahim

Sebenarnya dan sesungguhnya)
Diakui oleh penama di atas)
Di tempat **KUALA LUMPUR**)
DALAM WILAYAH PERSEKUTUAN)
Pada..... haribulan.....2003)
- 4 JUL 2003

Dihadapan saya



Tingkat Bawah Wisma P.K.N.S.
Jalan Raja Laut,
50653 KUALA LUMPUR.
TEL: 03-27323218

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
KUMPULAN AKAUN FAMA

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB. DISEMBER, 2002

| | Nota | AKAUN KUMPULAN | | FAMA | |
|--|------|----------------|-------------|-------------|-------------|
| | | 2002 RM | 2001 RM | 2002 RM | 2001 RM |
| HARTA TETAP | 2 | 76,489,767 | 74,690,305 | 76,467,287 | 74,589,391 |
| PINJAMAN KEPADA JPLH | 3 | - | 147,713 | - | 147,713 |
| PINJAMAN KENDERAAN & KOMPUTER | | 2,549,200 | 2,169,458 | 2,549,200 | 2,169,458 |
| PROJEK DALAM PERLAKSANAAN | 4 | 10,577,140 | 2,506,116 | 10,577,140 | 2,506,116 |
| ANAK SYARIKAT | 5 | | | 11,320,534 | 11,320,534 |
| PELABURAN | 6 | 2,137,500 | 137,500 | 2,000,000 | |
| PERBELANJAAN TERTUNDA | 7 | | | | |
| HARTA SEMASA | | | | | |
| Stok | 8 | 2,472,682 | 3,025,985 | 2,039,392 | 2,386,364 |
| Siberhutang Perniagaan | 9 | 9,292,156 | 8,965,817 | 8,750,354 | 7,280,537 |
| Siberhutang Pelbagai | 10 | 8,485,591 | 13,215,598 | 7,954,778 | 13,214,680 |
| Sekuriti Boleh Pasar | 11 | 134,740 | 139,675 | - | - |
| Bayaran Terdahulu | | 161,698 | 146,706 | 161,698 | 146,706 |
| Simpanan Tetap & Faedah Terakru | | 18,128,711 | 21,537,262 | 16,360,786 | 19,774,763 |
| Wang di Bank & Runcit | 12 | 22,440,856 | 23,963,458 | 21,492,444 | 23,256,047 |
| | | 61,116,434 | 70,994,501 | 56,759,452 | 66,059,097 |
| TOLAK: TANGGUNGAN SEMASA | | | | | |
| Overdraf | 13 | 754,907 | 795,998 | - | - |
| Sipiutang | 14 | 14,334,925 | 12,865,790 | 13,759,683 | 12,047,060 |
| Peruntukan Cukai | | 65,234 | 131,291 | - | - |
| | | 15,155,066 | 13,793,079 | 13,759,683 | 12,047,060 |
| | | 45,961,368 | 57,201,422 | 42,999,769 | 54,012,037 |
| | | 137,714,975 | 136,852,514 | 145,913,930 | 144,745,249 |
| DIBIYAI OLEH: | | | | | |
| AKAUN-AKAUN TERKUMPUL | | | | | |
| Akaun Mengurus | | 58,493,242 | 61,357,423 | 58,254,062 | 61,118,243 |
| Akaun Pembangunan | | 25,031,079 | 19,504,255 | 24,907,350 | 19,316,781 |
| Akaun Perniagaan | | 45,655,414 | 47,801,551 | 54,436,429 | 56,338,874 |
| Akaun Pasar Tani | | 5,366,089 | 4,873,638 | 5,366,089 | 4,873,638 |
| Akaun Pinjaman Kenderaan | | 2,500,000 | 2,500,000 | 2,500,000 | 2,500,000 |
| Akaun Pinjaman Komputer | | 450,000 | 450,000 | 450,000 | 450,000 |
| TANGGUNGAN JANGKA PANJANG | | | | | |
| Pinjaman dari Kerajaan Persekutuan | | - | 147,713 | - | 147,713 |
| KEPENTINGAN MINORITI | 15 | 219,151 | 217,934 | - | - |
| | | 137,714,975 | 136,852,514 | 145,913,930 | 144,745,249 |

Nota-nota Akaun yang Disertakan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
KUMPULAN AKAUN FAMA
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
UNTUK TAHUN BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 2002

| | AKAUN KUMPULAN | | FAMA | |
|--------------------------------------|---------------------|--------------------|---------------------|--------------------|
| | 2002 RM | 2001 RM | 2002 RM | 2001 RM |
| Baki Pada 1 Januari | 133,536,867 | 135,139,682 | 141,647,536 | 143,628,306 |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Semasa | <u>(14,025,152)</u> | <u>(4,169,407)</u> | <u>(13,781,460)</u> | <u>(4,359,887)</u> |
| | 119,511,715 | 130,970,275 | 127,866,076 | 139,268,419 |
| Pindahan Harta | 5,208,818 | 2,475,754 | 5,208,818 | 2,475,754 |
| Pindahan Wang | (30,000) | (1,100,000) | (30,000) | (1,100,000) |
| Penerimaan Pindahan Wang | - | 1,100,000 | - | 1,100,000 |
| | <u>124,690,533</u> | <u>133,446,029</u> | <u>133,044,894</u> | <u>141,744,173</u> |
| Perubahan Modal Pusingan (Bersih) | 1,848,012 | 18,011 | 1,848,012 | 18,011 |
| Perubahan Projek Dalam Perlaksanaan | 8,071,024 | (114,648) | (8,071,024) | (114,648) |
| Perkara Luarbiasa | - | - | - | - |
| Harta FAMA Dengan Anak Syarikat | (63,745) | 187,474 | - | - |
| Baki Pada 31 Disember | <u>134,545,824</u> | <u>133,536,866</u> | <u>142,963,930</u> | <u>141,647,536</u> |

Nota-nota Akaun yang Disertakan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
KUMPULAN AKAUN FAMA
PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
UNTUK TAHUN BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 2002

| | Nota | AKAUN KUMPULAN | | FAMA | |
|---|------|----------------|-------------|--------------|-------------|
| | | 2002 RM | 2001 RM | 2002 RM | 2001 RM |
| Pendapatan | | 129,622,023 | 117,796,978 | 122,834,917 | 110,157,230 |
| Perbelanjaan | | 143,864,540 | 122,074,516 | 136,918,679 | 114,687,623 |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Sebelum Cukai | | (14,242,517) | (4,277,538) | (14,083,762) | (4,530,393) |
| Bahagian Keuntungan Tolak Kerugian Daripada Syarikat Bersekutu | | - | - | - | - |
| | | (14,242,517) | (4,277,538) | (14,083,762) | (4,530,393) |
| Cukai | 16 | (27,529) | (30,231) | - | - |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Selepas Cukai | | (14,270,046) | (4,307,769) | (14,083,762) | (4,530,393) |
| Kepentingan Minoriti | | (1,217) | (11,029) | - | - |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Selepas Cukai Dan Kepentingan Minoriti | | (14,271,263) | (4,318,798) | (14,083,762) | (4,530,393) |
| Perkara Luarbiasa | | - | - | - | - |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Selepas Cukai, Kepentingan Minoriti dan Perkara Luarbiasa | | (14,271,263) | (4,318,798) | (14,083,762) | (4,530,393) |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Terkumpul Tahun Sebelum | | 25,339,323 | 29,674,009 | 34,191,015 | 38,716,181 |
| Pelarasan Tahun Sebelum | 17 | (246,341) | (15,888) | (190,150) | 5,227 |
| | | 25,092,982 | 29,658,121 | 34,000,865 | 38,721,408 |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Sebelum Pengagihan | | 10,821,719 | 25,339,323 | 19,917,103 | 34,191,015 |

Nota-nota Akaun yang Disertakan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
AKAUN PEMBANGUNAN

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB. DISEMBER, 2002

| | Nota | 2002 RM | 2001 RM |
|------------------------------------|-----------|---------------|---------------|
| PINJAMAN KEPADA JPLH | | - | 147,713 |
| PROJEK DALAM PERLAKSANAAN | | 10,577,140 | 2,506,116 |
| PELABURAN | | 2,000,000 | |
| | | | |
| HARTA SEMASA | | | |
| Siberhutang Pelbagai | | 8,565,073 | 9,169,572 |
| Pertaruhan Bayaran | | 204,425 | 166,228 |
| Bayaran Terdahulu | | | |
| Simpanan Tetap & Faedah Terakru | | 4,620,308 | 6,083,518 |
| Wang di Bank & Runcit | | 7,691,813 | 8,147,020 |
| Wang Dalam Perjalanan | | 552 | 561,558 |
| | | 21,082,171 | 24,127,896 |
| | | | |
| TOLAK TANGGUNGAN SEMASA | | | |
| Sipiutang Pelbagai & Akruan | | 8,613,343 | 7,178,643 |
| Pertaruhan Penerimaan | | 138,618 | 138,618 |
| | | 8,751,961 | 7,317,261 |
| | | 12,330,210 | 16,810,635 |
| | | 24,907,350 | 19,464,464 |
| | | | |
| DIBIYAI OLEH: | | | |
| AKAUN TERKUMPUL | 18 | | |
| Geran | | 445,187,523 | 402,716,523 |
| Kurangan Terkumpul | | (430,857,313) | (385,905,858) |
| | | 14,330,210 | 16,810,665 |
| Projek Dalam Pelaksanaan | | 10,577,140 | 2,506,116 |
| | | 24,907,350 | 19,316,781 |
| | | | |
| TANGGUNGAN JANGKA PANJANG | | | |
| Pinjaman Dari Kerajaan Persekutuan | | - | 147,713 |
| | | 24,907,350 | 19,464,494 |

Nota-nota Akaun yang Disertakan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
AKAUN PEMBANGUNAN
PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
UNTUK TAHUN BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 2002

| | Nota | 2002 RM | 2001 RM |
|---|------|-------------|------------|
| PENDAPATAN | | | |
| Pemberian Kerajaan | | 42,471,000 | 33,420,800 |
| Campur: Faedah Simpanan Semasa | | 34,941 | 26,228 |
| Faedah Simpanan Tetap | | 248,234 | 316,196 |
| Lain-lain Pendapatan | | 143,400 | 142,426 |
| | | 426,575 | 484,850 |
| | | 42,897,575 | 33,905,650 |
| TOLAK PERBELANJAAN | | | |
| Pasar Tani | | 1,418,853 | 1,744,358 |
| Pembangunan dan Kemajuan Pasaran | | 6,831,414 | 6,120,602 |
| Pendidikan Pasaran | | 540,401 | 1,196,575 |
| Hal Ehwal Koperat | | 1,694,764 | 1,794,421 |
| Latihan Kakitangan | | 1,256,345 | 1,872,943 |
| Kawalan Pasaran | | 820,989 | 1,310,640 |
| Pembangunan Amalan Pasaran | | 1,935,852 | 1,686,576 |
| Pembangunan Barangan Industri | | 1,168,762 | 1,283,908 |
| Pembangunan Barangan IKS | | 2,584,188 | 3,298,787 |
| Pasar lelong Bunga | | - | - |
| Penyelidikan Pemasaran | | 5,406,156 | 4,040,031 |
| Pemprosesan Data | | 320,533 | 3,733,502 |
| Pusat Pemasaran Hasil Pertanian | | 253,630 | 666,626 |
| Kompleks Bilik Sejuk | | 1,667,194 | 934,504 |
| Pusat Memproses & Kilang | | 96,607 | 367,750 |
| Pusat Menggred Koko | | 58,173 | 113,331 |
| Pusat Pengumpulan Ladang | | 565,573 | 1,387,394 |
| Gerai Jualan | | 104,594 | 36,080 |
| Gerai Makan/Restoran | | 40,173 | 265,751 |
| Projek Teman | | 13,764,344 | - |
| E-Dagang | | 209,961 | - |
| Pengangkutan | | 2,200,615 | 1,069,080 |
| Program Pembangunan Rakyat Termiskin | | 537,081 | 139,100 |
| Projek Khas | | 1,292,085 | 481,490 |
| Perancang dan Penilaian | | 274,534 | 293,952 |
| Lembaga Nenas Malaysia | | 305,209 | |
| | | 45,348,030 | 33,837,401 |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan | | (2,450,455) | 68,249 |

Nota-nota Akaun yang Disertakan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
AKAUN PERNIAGAAN FAMA

KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN PADA 31HB. DISEMBER, 2002

| | Nota | AKAUN KUMPULAN | | FAMA | |
|---|-----------|----------------|------------|------------|------------|
| | | 2002 RM | 2001 RM | 2002 RM | 2001 RM |
| HARTA TETAP | | 15,474,538 | 15,778,848 | 15,452,058 | 15,677,934 |
| PROJEK DALAM PERLAKSANAAN | | - | - | - | - |
| PELABURAN | | 137,500 | 137,500 | 137,500 | 137,500 |
| PERBELANJAAN TERTUNDA | | - | - | - | - |
| HARTA SEMASA | | | | | |
| Stok | | 2,472,682 | 3,025,985 | 2,039,392 | 2,386,364 |
| Siberhutang Palbagai & Pengangkutan | | 3,124,761 | 2,430,608 | 2,93,947 | 2,429,690 |
| Siberhutang Kakitangan | | 58,455 | 56,829 | 58,455 | 56,829 |
| Pertaruhan Bayaran | | 303,338 | 316,428 | 303,338 | 316,428 |
| Sekuriti Boleh Pasar | | 134,740 | 139,675 | - | - |
| Bayaran Terdahulu | | 21,065 | 17,577 | 21,065 | 17,577 |
| Simpanan Tetap & Faedah Terakru | | 13,508,403 | 15,032,277 | 11,740,478 | 13,269,778 |
| Wang Di Bank & Runcit | | 13,523,792 | 11,617,683 | 12,575,380 | 10,910,272 |
| Wang Dalam Perjalanan | | 210,681 | 1,954,035 | 210,681 | 1,954,035 |
| | | 42,741,344 | 43,629,620 | 38,384,362 | 38,694,216 |
| TOLAK: TANGGUGAN SEMASA | | | | | |
| Ovedraf | | 754,907 | 795,998 | - | - |
| Sipiutang Perniagaan | | 3,108,862 | 2,849,761 | 3,010,377 | 2,278,318 |
| Sipiutang Pelbagai & Akruan | | 3,124,412 | 2,801,036 | 2,122,906 | 2,000,200 |
| Pertaruhan Penerimaan | | 221,153 | 201,654 | 221,153 | 201,654 |
| Syarikat Bersekutu | | 28,800 | - | - | - |
| Cukai | | 65,234 | 131,291 | | |
| | | 7,303,368 | 6,779,740 | 5,354,436 | 4,480,172 |
| | | 35,437,976 | 36,849,880 | 33,029,926 | 34,214,044 |
| Pendapatan Tertangguh | | (123,729) | (187,474) | 0 | 0 |
| | | 50,926,285 | 52,578,754 | 59,802,518 | 61,212,512 |
| DIBIYAI OLEH: | | | | | |
| MODAL | 19 | 88,105,920 | 86,257,907 | 88,105,920 | 86,257,907 |
| TOLAK: KERUGIAN TERKUMPUL | | | | | |
| Baki Pada 1.1.2002 | | 38,826,916 | 37,876,486 | 29,919,033 | 28,813,199 |
| Pelarasan Tahun Lepas | | 2,505 | 16,048 | 2,505 | 16,048 |
| Campur: Kerugian/(Keuntungan) Semasa Perniagaan Am | | 3,935,454 | 878,191 | 3,747,952 | 1,089,786 |
| | 20 | 42,764,875 | 38,770,725 | 33,669,490 | 29,919,033 |
| | | 45,341,045 | 47,487,182 | 54,436,430 | 56,388,874 |
| KUMPULAN WANG PASAR TANI | 21 | 5,366,089 | 4,873,638 | 5,366,089 | 4,873,638 |
| | | 50,707,134 | 52,360,820 | 59,802,519 | 61,212,512 |
| KEPENTINGAN MINORITI | | 219,151 | 217,934 | - | - |
| | | 50,926,285 | 52,578,754 | 59,802,519 | 61,212,512 |

Nota-nota Akaun yang Disertakan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
AKAUN PERNIAGAAN FAMA
PENYATA UNTUNG DAN RUGI
UNTUK TAHUN BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 2002

| | Nota | AKAUN KUMPULAN | | FAMA | |
|---|------|----------------|------------|-------------|-------------|
| | | 2002 RM | 2001 RM | 2002 RM | 2001 RM |
| Jualan | | 40,325,510 | 38,131,861 | 33,883,060 | 30,725,635 |
| Sewaan / Perkhidmatan | | 1,362,100 | 1,376,839 | 1,362,100 | 1,376,839 |
| | | 41,687,610 | 39,508,700 | 35,245,160 | 32,102,474 |
| Untung/(Rugi) Sebelum Cukai | | (3,906,707) | (836,931) | (3,747,953) | (1,089,786) |
| Cukai | | (27,529) | (30,231) | - | - |
| | | (3,934,236) | (867,162) | (3,747,953) | (1,089,786) |
| Kepentingan Minoriti | | (1,217) | (11,029) | - | - |
| | | (3,935,453) | (878,191) | (3,747,953) | (1,089,786) |
| Perkara Luarbiasa | | - | - | - | - |
| UNTUNG/(RUGI) SELEPAS CUKAI DAN KEPENTINGAN MINORITI | | (3,935,453) | (878,191) | (3,747,953) | (1,089,786) |

Nota-nota Akaun yang Disertakan Merupakan Sebahagian Asasi Penyata Kewangan Ini.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
AKAUN PERNIAGAAN

PENYATA UNTUNG DAN RUGI UNTUK TAHUN BERAKHIR 31HB. DISEMBER, 2002

| | Nota | 2002 RM | 2001 RM |
|--|------|--------------------|--------------------|
| JUALAN | | 33,883,060 | 30,725,635 |
| SEWAAN/PERKHIDMATAN | | 1,362,100 | 1,376,839 |
| | | 35,245,160 | 32,102,474 |
| TOLAK: KOS JUALAN | | | |
| Stok Awal | | 2,254,429 | 2,236,749 |
| Campur: Belian | | 26,918,159 | 24,720,955 |
| Kos Langsung ILF & Lanskap | | 631,246 | 565,826 |
| Kos Pengeluaran | | 1,506,384 | 1,299,292 |
| | | 31,310,218 | 28,942,822 |
| Tolak: Stok Akhir | | 1,874,408 | 2,254,429 |
| | | 29,435,810 | 26,688,393 |
| Keuntungan Kasar | | 5,809,350 | 5,414,081 |
| TOLAK: PERBELANJAAN TADBIR & JUALAN | | | |
| Gaji dan Upahan | | 1,624,639 | 1,472,564 |
| KWSP & SOCSO | | 203,612 | 154,059 |
| Kerja Lebih Masa | | 1,022,580 | 503,055 |
| Insuran | | 228,730 | 237,130 |
| Air dan Elektrik | | 657,038 | 614,896 |
